

Beijing, Tokyo kota termahal Asia

B/A 8/12/13 MS 6.

» 10 bandar raya mempunyai kos sara hidup paling tinggi

Mungkin ada yang merancang untuk melancong ke Beijing, China atau Tokyo, Jepun mahupun hendak ke Seoul, Korea Selatan dan Hong Kong.

Anda kena periksa dompet sama ada mencukupi untuk membeli belah atau sebagai persediaan lain, kerana ketiga-tiga bandar raya itu tersenarai sebagai antara 10 bandar raya paling mahal di Asia.

Ibu negara China, Beijing kini menjadi bandar raya kedua paling mahal di Asia,

melonjak dari tempat kelima tahun lalu, berdasarkan kajian yang dilakukan oleh ekspatriat di seluruh ibu kota benua ini.

Tokyo masih kekal di tangga teratas sebagai bandar raya paling mahal di sebalik kelemahan mata wang mereka, Yen.

Bagaimanapun, kedudukan Tokyo sebagai kota raya paling mahal di dunia 'dirampas' oleh ibu negara Venezuelen, Caracas.

Menurut kajian oleh firma perunding pengurusan, ECA International, kedudukan

mata wang Yen yang lembab meletakkan Tokyo berada di tempat ke-10 sebagai bandar raya termahal dunia

"Walaupun kerajaan China membenarkan mata wang renminbi mengukuhkan kedudukan untuk meletakkan setara dengan dolar Amerika, tetapi harga makanan dan minyak di negara itu semakin meningkat. Beijing melonjakkan kedudukannya di posisi kedua selepas Tokyo kerana kelemahan mata wang Yen," kata Pengarah Serantau

ECA Asia, Lee Quanne.

Kos sara hidup juga kini semakin meningkat menjadikan negara itu sebagai lokasi semakin mahal untuk penduduk dan pelancong. Selain Tokyo, tiga lagi bandar raya di Jepun tersenarai sebagai lokasi paling mahal di Asia.

Hong Kong atasi Singapura

Ketika ini 10 bandar raya Asia yang mempunyai kos sara hidup termahal ialah Tokyo, Beijing diikuti Nagoya, Shanghai, Yokohama, Seoul,

Osaka, Hong Kong, Singapura dan Guangzho.

Hong Kong mengatasi Singapura buat pertama kalinya sejak 2010 berikutan kelemahan mata wang dolar Singapura. Malahan Singapura berada di tempat ke-30 di dunia sebagai bandar raya termahal dunia, dua tangga

di belakang Hong Kong.

Selepas Caracas menduduki tempat kedua sebagai bandar raya termahal dunia ialah Luanda, Oslo, Norway, Juba di Sudan Selatan, Stavanger, Norway, Zurich, Geneva, Bern, Basel (semuanya di Switzerland) dan Tokyo.

